UUM
Universiti Utara Malaysia

# Kecurangan Akademik

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999

## Kelakuan semasa peperiksaan

Tiada pelajar boleh:

(a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;

(b) menulis, atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;

(c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau

(d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

Disediakan oleh:
Unit Peperiksaan,
Jabatan Hal Ehwal Akademik

## Jenis-Jenis Hukuman Di Bawah Jawatankuasa Kecurangan Akademik

Selepas perbicaraan dijalankan, dan jika didapati bersalah, pelajar akan dijatuhkan hukuman berikut :

(a) Gagal dengan mendapat gred F bagi kursus yang berkaitan dengan kes kecurangan akademik (Gred F bagi kursus terlibat kes kecurangan akademik tidak boleh ditebus); atau

(b) Gagal dengan gred F kesemua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan atau sebilangan kursus yang telah diambil sebelum itu bagi semester berkenaan (Gred F bagi kursus terlibat kes kecurangan akademik tidak boleh ditebus); atau

(c) Gagal dengan gred F semua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan dan gred F bagi semua kursus tersebut tidak boleh ditebus; atau

(d) Dalam hal-hal tertentu perkara sebegini akan diperakukan kepada **Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar.**

## Jika sabit kesalahan, Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar boleh menjatuhkan salah satu atau lebih hukuman berikut:

(a) amaran;

(b) denda tidak lebih daripada RM200;

(c) pergantungan daripada mana-mana atau semua kemudahan Universiti selama tempoh yang ditentukan;

(d) pengeklusian daripada mana-mana bahagian Universiti selama tempoh yang ditentukan;

(e) penyingkiran daripada Universiti.

Naib Canselor boleh menggunakan budi bicaranya di mana perlu, untuk menahan calon-calon yang melanggar peraturan daripada mengambil sesuatu atau semua peperiksaan sekiranya dia berpuashati ada bukti "prima facie" pelanggaran peraturan tersebut.